

Oleh **AZIZUL HAJI ISMAIL**  
**PM DR. VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM**

# Pengajian Bahasa Melayu di Luar Negara

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di luar negara merupakan usaha utama untuk menyebarkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Hal ini amat penting dalam usaha pihak perancangan bahasa di Malaysia untuk mencapai wawasan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa di dunia, khususnya menjadi salah satu bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB). Pada masa kini, terdapat enam bahasa rasmi PBB, iaitu bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Sepanyol, Rusia dan Perancis. Namun, untuk mencapai matlamat tersebut, bahasa Melayu tidak perlulah sehingga menjadi bangsa yang melaksanakan imperialisme bahasa terhadap bangsa-bangsa lain di dunia ini. Sebaliknya bahasa Melayu perlu disebarkan secara integrasi dan diplomasi melalui pengajaran dan pembelajaran kepada negara-negara bukan penutur asli bahasa Melayu untuk tujuan pengantarabangsaan bahasa tersebut.

Pada masa kini, pihak kerajaan dengan dukungan dan iltizam dari universiti-universiti tempatan telah berusaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat dunia dengan penubuhan Kursi Pengajian Melayu di beberapa universiti terkemuka di dunia, iaitu Kursi Pengajian Melayu wilayah Eropah di Universiti Leiden, Belanda, Kursi Tun Abdul Razak di Universiti Ohio, Amerika Syarikat, Universiti Victoria Wellington, Universiti Beijing dan di Universiti Hankuk, Korea Selatan. Selain itu, bahasa Melayu juga dipelajari secara meluas di Universiti Youngsan dan Universiti Busan di Korea Selatan, Universiti Deakin, Melbourne, Australia, malahan terdapat juga di Universiti Negara Moscow Lomonosow, Universiti Negara St. Peterburg di Rusia. Secara keseluruhannya, terdapat lebih 140 buah institut pengajian tinggi di lebih 50 buah negara di seluruh dunia menawarkan kursus pengajian bahasa Melayu yang antaranya melibatkan negara

Amerika Syarikat, United Kingdom Jepun, China, Rusia, Belanda, Jerman, Mesir, Iran, Pakistan, dan lain-lain.

Namun, pada masa kini, bahasa Melayu dapat menarik minat yang amat mendalam ditunjukkan para pelajar dari negara China untuk mempelajari bahasa tersebut. Sebanyak enam universiti di negara tersebut telah menawarkan program pengajian bahasa Melayu, iaitu Universiti Komunikasi China, Universiti Peking, Universiti Pengajian Asing Guandong, Universiti Bangsa-bangsa Guangxi, Universiti Bangsa-bangsa Yunnan dan Universiti Pengajian Asing Beijing (BFSU). Malahan, bahasa Melayu juga menjadi pusat pengembangan dan penyelidikan bahasa dan persuratan Melayu di China menjadi semakin semarak melatui penubuhan Kursi Pengajian Melayu Malaysia-China di BFSU pada tahun 2008. Hal ini semakin penting apabila pada masa kini negara China memperkenalkan konsep gagasan "One Belt One Road" (OBOR), iaitu rangkaian yang melibatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan, serta pembinaan infrastruktur di negara-negara Asia Tengah, Eropah, Asia Tenggara dan Afrika Timur. Negara Malaysia juga merupakan "tumpuan utama" negara China untuk melaksanakan kerjasama "menang-menang" dengan pelaburan yang melibatkan puluhan bilion ringgit. Kerjasama ekonomi ini perlulah selari dengan usaha kerjasama dan pengajaran dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu di negara tersebut. Hal yang sedemikian ini dapat direalisasikan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara dan *lingua franca* dalam pelaksanaan gagasan OBOR di negara dan rantau ini. Untuk itu, negara China perlu menjadi "pelaku utama" dalam pengajaran

Pengajaran bahasa Melayu bukan sahaja perlu diberikan tumpuan kepada golongan profesional, sebaliknya perlu juga diberikan kepada para pekerja yang akan ke Malaysia sebagai pelaksana terhadap projek pembinaan infrastruktur di Malaysia.

dan pembelajaran bahasa Melayu di negara tersebut. Negara China juga perlu bersedia, bukan sahaja menggalakkan kemasukan para pensyarah dan guru bahasa Melayu ke negara tersebut, malahan bersedia untuk menaja dengan memberikan gaji yang berpatutan kepada para pensyarah dan guru bahasa yang bertugas di negara tersebut. Pengajaran bahasa Melayu bukan sahaja perlu diberikan tumpuan kepada golongan profesional, sebaliknya perlu juga diberikan tumpuan kepada para pekerja yang akan ke Malaysia sebagai pelaksana terhadap projek pembinaan infrastruktur di Malaysia. Namun, pihak berkuasa Kerajaan Malaysia perlulah mempunyai "jiwa besar" dan "berani" dengan menyaratkan bahasa Melayu yang merupakan bahasa kebangsaan negara dimartabatkan dalam segala urusan perdagangan dan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan melalui gagasan tersebut. Hal yang sedemikian ini perlu diberikan penekanan,



Selain itu, pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara perlulah memainkan peranan utama untuk memartabatkan bahasa Melayu.

dengan bahasa lain yang cuba menjadi bahasa dominan di dunia, khususnya diiktiraf sebagai bahasa rasmi di PBB. Antara langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan kuantiti dan tahap pengajaran bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi luar termasuklah dengan melaksanakan pelbagai strategi bukan sahaja melibatkan pelbagai pihak di dalam negara, malahan mempunyai sinergi dengan pihak antarabangsa, khususnya di negara-negara serantau. Hal ini dikatakan demikian disebabkan mahu tidak mahu kita "wajib" berpijak di bumi yang nyata serta menerima hakikat bahawa bahasa Melayu dan bahasa Indonesia perlu digerakkan secara bersama-sama untuk mencapai matlamat tersebut kerana jumlah penduduk Indonesia yang seramai lebih kurang 260 juta orang menjadikan bahasa Melayu menduduki tempat ketujuh dari segi jumlah penggunaan yang meliputi negara Indonesia, Malaysia, Brunei, serta sebahagian di Selatan Thailand dan di Singapura. Bahasa Melayu atau Indonesia perlu dimartabatkan pada peringkat alam Melayu dahulu sebelum dimartabatkan pada peringkat ASEAN agar bahasa tersebut diangkat ke peringkat antarabangsa. Kerjasama berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa perlu dimasukkan sebagai agenda utama kerangka kerja Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM). Negara anggota MABBIM perlu bekerja secara kolektif dan padu dalam usaha ini dan tidak melaksanakan gerakan ibarat "enau dalam belukar yang hanya melepaskan pucuk masing-masing", ataupun hanya mahu menjadi "jaguh kampung" dalam kalangan negara jiran untuk memartabatkan

pengajaran bahasa Melayu atau Indonesia pada peringkat antarabangsa. Oleh hal yang demikian, negara-negara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi perlulah melobi secara bersama-sama dalam forum, mesyuarat dan persidangan pada peringkat antarabangsa untuk memartabatkan bahasa Melayu melalui pengajaran bahasa tersebut oleh pelajar asing di luar negara.

Selain itu, pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara perlulah memainkan peranan utama untuk memartabatkan bahasa Melayu. Para wakil Kerajaan Malaysia di luar negara perlulah menunjukkan sikap megah bahasa dengan membuang sikap "malu" dan berasa rendah diri ketika berkomunikasi dalam majlis-majlis yang diadakan serta ketika mereka melaksanakan tugas mereka di luar negara. Sikap dan komitmen yang tinggi, mereka akan memberikan keyakinan dan menjadi suri teladan terhadap masyarakat luar untuk menarik minat warga asing dan mempelajari bahasa Melayu di negara asal mereka.

Tambahan pula, pihak kerajaan dengan sokongan badan-badan korporat perlulah menyediakan dana khusus untuk memperkasakan pengajaran bahasa Melayu di luar negara. Melalui dana tersebut, pihak kerajaan bolehlah memberikan penajaan melalui biasiswa kepada pelajar yang cemerlang dalam pengajian pengkhususan bahasa Melayu di universiti-universiti tersebut. Tambahan pula, penganjuran pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) merupakan inisiatif pintar pihak kerajaan untuk "mencuri hati" para penutur asing melalui institusi pengajian tinggi untuk terus mempelajari dan meningkatkan kualiti pembelajaran

dalam bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi negara mereka.

Di samping itu, dana tersebut juga boleh diberikan sebagai insentif kepada para pensyarah dan guru yang mengajar di luar negara, khususnya di negara yang sedang membangun untuk menarik minat mereka mengajar di sana. Selain itu, dana tersebut boleh juga digunakan untuk melaksanakan dan menambahkan pelbagai kegiatan kebahasaan di universiti tersebut seperti penganjuran kuiz, pertandingan pidato, pertandingan berbalas pantun serta persembahan teater dan drama pada peringkat universiti yang dapat meningkatkan kualiti pembelajaran serta menarik minat pelajar asing mengikuti kursus tersebut.

Selain itu, para pensyarah, guru bahasa dan perancang bahasa perlulah sentiasa bersedia untuk ditugaskan pada bila-bila masa dan di mana-mana negara untuk menjadi tenaga pengajar di negara-negara tersebut. Tidak ramai daripada golongan tersebut "bersedia" untuk mengajar bahasa Melayu di negara asing, khususnya di negara-negara yang berada dalam kemunduran dan serba kekurangan. Contohnya institusi pengajian, terutamanya di sekolah-sekolah pondok di Kemboja agak sukar mendapatkan guru-guru yang beribawa untuk mengajarkan bahasa Melayu kepada para pelajar yang berminat mempelajari bahasa tersebut di samping faktor kekurangan dana.

Pada masa kini, bahasa juga disebarkan melalui industri kreatif yang bersifat popular melalui filem ataupun lagu-lagu. Bahasa Inggeris, Hindi, Korea dan Mandarin disebarkan melalui filem-filem dan lagu-lagu yang dikeluarkan oleh negara mereka. Hal ini penting bagi tujuan "menawan" minda para



pendengar dan penonton produk industri kreatif negara tersebut untuk mempelajari bahasa mereka. Contohnya, demam "Gangnam Style" membuatkan masyarakat dunia, terutamanya golongan muda bertambah minat untuk mempelajari bahasa dan budaya Korea. Oleh sebab itu, para "pemain" industri kreatif negara perlu menghasilkan karya yang bersifat antarabangsa, malahan terlibat secara langsung dalam industri seni di negara luar untuk menyebarkan bahasa dan budaya Melayu secara evolusi di negara tersebut. Kita perlu lebih ramai artis seperti Yuna dan Shila Hamzah yang telah menempa nama di Amerika Syarikat dan China dengan mengekalkan identiti bangsa dan agama mereka yang bukan sahaja mampu menjana pendapatan yang agak tinggi, malahan mampu mengangkat bahasa dan budaya Melayu pada peringkat antarabangsa. Seterusnya mampu meningkatkan minat masyarakat luar untuk mempelajari bahasa Melayu di negara mereka. Malahan, perkembangan terkini amat mengejutkan apabila sekumpulan tentera marin Amerika Syarikat yang dikenali

sebagai US Pacific Fleet Band "Pipeline" menyanyikan lagu asal kumpulan Khalifah dengan amat baik sekali. Fenomena ini merupakan petanda jelas bahawa bahasa Melayu mempunyai potensi untuk terus berkembang dalam kalangan penutur asing, khususnya melalui industri kreatif.

Kesimpulannya, bahasa Melayu dapat menarik minat para penutur asing untuk mempelajarinya. Namun, pelbagai usaha dan iltizam yang tinggi perlu dilaksanakan oleh semua pihak, khususnya pihak kerajaan melalui pejabat kedutaan luar negara, universiti awam dan swasta, Dewan Bahasa dan Pustaka, syarikat korporat, para pendidik, khususnya pensyarah dan guru bahasa untuk memartabatkan pengajaran bahasa Melayu di luar negara. Kegemilangan silam bahasa Melayu pernah menjadi salah satu bahasa utama perdagangan dan sebagai *lingua franca*, khususnya di rantau ini akan terjelma pada masa kini. Tidak mustahil "impian" untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia menjadi kenyataan pada masa akan datang. DB